

# Mohon lesen sah tanpa ejen

**DEWAN** Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengumumkan pelaksanaan Inisiatif Pemutihan Penjaja Tahun 2025 sebagai usaha berterusan membina ekosistem penjaan yang sah, tersusun dan inklusif di ibu kota sekali gus membuka peluang kepada penjaja tempatan mendapatkan lesen sah secara lebih mudah dan telus.

Inisiatif ini menyasarkan dua kategori utama iaitu Penjaja Beredar Tanpa Kenderaan dan Penjaja Sementara, membolehkan para penjaja yang memenuhi syarat ditetapkan memohon lesen bagi menjalankan aktiviti secara sah dan berdaftar di kawasan yang dibenarkan.

Menurut kenyataan rasmi yang dikeluarkan DBKL, semua permohonan akan dinilai berdasarkan kriteria penting seperti lokasi penjaan yang dimohon dan jenis aktiviti yang dijalankan. Hanya aktiviti yang mematuhi



**PENGUAT** kuasa DBKL menjalankan operasi penguatkuasaan terhadap peniaga yang meletak halangan dan peralatan di laluan awam tanpa kebenaran.

syarat lesen akan dipertimbangkan, manakala keputusan DBKL adalah muktamad dan tidak boleh dirayu semula.

“Permohonan lesen perlu dikemukakan terus kepada DBKL tanpa melalui mana-mana orang

tengah, ejen atau agensi luar. DBKL tidak pernah melantik mana-mana pihak ketiga untuk menguruskan permohonan lesen bagi pihak pemohon,” tegas kenyataan itu.

Bagi mengelakkan penipuan atau penyalahgunaan nama DBKL,

orang ramai diingatkan agar tidak terpedaya dengan mana-mana individu yang mendakwa mewakili pihak berkuasa tempatan dalam urusan permohonan lesen. Semua urusan hanya boleh dilakukan di Kaunter Lesen Berpusat, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan, Tingkat 5, Menara DBKL 2, Jalan Raja Laut, pada waktu urusan rasmi.

Antara dokumen penting yang perlu disertakan termasuk salinan kad pengenalan, maklumat lengkap aktiviti penjaan dan dokumen sokongan lain bergantung kepada kategori permohonan.

Tarikh tutup permohonan ditetapkan pada 30 Jun 2025, dan DBKL menyeru semua penjaja yang layak agar merebut peluang ini segera bagi memastikan proses permohonan dapat dilaksanakan secara teratur dan efisien.

Langkah pemutihan ini dilihat sebagai sebahagian daripada

usaha DBKL untuk menangani isu penjaan tanpa lesen yang berleluasa di ibu negara, sekali gus memastikan kawasan bandar dikawal dengan lebih sistematik, bersih dan mesra perniagaan.

DBKL turut menegaskan komitmennya dalam melindungi kepentingan penjaja sah di bawah kerangka undang-undang dan dasar perbandaran yang progresif serta inklusif.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa memberikan tempoh empat bulan kepada DBKL untuk melaksanakan proses pemutihan secara menyeluruh ke atas penjaja tidak berlesen di ibu negara sebagai sebahagian daripada pelaksanaan inisiatif Lestari Niaga sekali gus memastikan sistem perniagaan mikro di Kuala Lumpur kekal tertib, adil dan berlandaskan peraturan yang jelas. 